



ماليٰ ف مالا

PERCUMA

BIL. 11 • EDISI KEDUA • 2013

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK



**Zakat Perniagaan
Kepada MAIPk**

RM12.95 Juta



**JAULAH ASNAF
Zon Selatan**



**Kembara
MAIPk 2013**

SIDANG REDAKSI

Penasihat:

Dato' Dr. Syed Omar Sharifuddin b. Syed Ikhsan

Ketua Editor :

En. Wan Abdul Halim Hafidz b. Mohd Amin

Editor :

En. Meor Muhammad Zulfadli bin Saad

Editor Bersekutu :

Bahagian Zakat
Bahagian Hartanah dan Pelaburan
Pejabat-pejabat MAIPk Daerah

Jurufoto :

En. Aizat b. Sabri
En. Mohd Sharizal bin Mat Sah

Edaran :

Unit Perhubungan Korporat

Diterbitkan oleh:

Unit Perhubungan Korporat
Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak
Tingkat 1, Kompleks Islam Darul Ridzuan
30000 Ipoh, Perak.
Tel: 05-2084000
Faks: 05-2414257

Laman web :

www.maiamp.gov.my

Emel :

korporat@maiamp.gov.my

© Hak cipta terpelihara. Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dikeluar ulang, disimpan dalam sistem dapat kembali, atau disarkan, dalam apa-apa jua cara, sama ada lain, sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit Wadah MAIPk. Sidang Editor mengalu-alukan sebarang artikel dan penulisan yang bermanfaat. Sidang Editor berhak melakukan penyuntingan ke atas tulisan yang diterima selagi tidak mengubah isinya.

DARI MEJA KETUA EDITOR

Assalamualaikum wbt. dan salam sejahtera

Alhamdulillah, segala puji-pujian hanya untuk Allah SWT. Salam dan selawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW., penghulu segala nabi, keluarga baginda, para sahabat serta seluruh muslimin dan muslimat yang telah pergi dan yang masih hidup. Mudah-mudahan peluang yang Allah bagi pada kita untuk masih bernafas dapat kita teruskan tanggungjawab sebagai khalifah di atas muka bumi ini.



Nabi Muhammad SAW ada memberi peringatan bahawa, amalan-amalan anak Adam terputus melainkan tiga perkara iaitu sedekah jariah (wakaf), ilmu yang bermanfaat dan anak yang soleh mendoakan untuknya. Dalam hadis yang lain, Nabi Muhammad SAW juga memperingatkan bahawa, anak adam di Hari Kiamat nanti akan disoal dari mana hartanya datang dan ke mana harta tersebut dibelanjakan. Islam mengajar umatnya bahawa, harta yang sentiasa memberi manfaat kepada pemiliknya ialah harta yang diwakafkan.

Justeru, marilah kita bersama-sama mewakafkan harta milik kita dalam bentuk alih atau tidak alih bergantung kepada kemampuan masing-masing. Jangan jadikan perbezaan gaya kehidupan untuk tidak melaksanakan amalan berwakaf. Sesungguhnya Islam menjamin ganjaran yang besar kepada umatnya yang melaksanakan amalan berwakaf.

Pihak MAIPk sentiasa membantu sekiranya terdapat di kalangan umat Islam untuk mewakafkan harta mereka. Sebarang harta yang diwakafkan dimanfaatkan demi membangunkan sosio-ekonomi umat Islam khususnya di Negeri Perak. Salam hormat.

WAN ABDUL HALIM HAFIDZ BIN MOHD AMIN

Isi Kandungan

SEMASA	3	INFO TAKSIRAN	10
PEMBAYARAN ZAKAT	4	SEMASA	11-12
SEMASA	5-7	INFO DAERAH	13
BERITA SANA-SINI	8-9	INFO SEJARAH	14
		STATISTIK	16

Konflik Dalaman

PEMUSNAH KEGEMILANGAN

Aspek kealpaan kepimpinan negara yang gagal melakukan perubahan selaras dengan perkembangan teknologi terkini juga menjadi faktor keruntuhan suatu kegemilangan.

IPOH - Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Perak Darul Riduan, Raja Dr. Nazrin Shah bertitah dalam Persidangan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak Kali Ke-183 bahawa, konflik dalaman yang berlaku dalam suatu pemerintahan dan masyarakat dilingkari dengan kemewahan boleh meruntuhkan kegemilangan yang dibina. Aspek kealpaan kepimpinan negara yang gagal melakukan perubahan selaras dengan perkembangan teknologi terkini juga menjadi

faktor keruntuhan suatu kegemilangan. Rumusan tepat dan padat ini diambil iktibar daripada kejatuhan kegemilangan pemerintahan Dinasti Timurid, Samarkand, Uzbekistan dan Empayar Ottoman, Turki.

Baginda menyeru umat Islam khususnya di Negeri Perak untuk kembali kepada peringatan llahi melalui Al-Quran dan As-Sunnah bagi membina benteng-benteng daripada ditembusi budaya yang boleh memusnahkan. Baginda juga mengingatkan ummat Islam menerusi petikan surat seorang Gabenor pada zaman Kerajaan Abbasiyah, Tahir bin Husayn kepada anaknya Abdulllah sebaik sahaja Abdulllah dilantik oleh Khalifah Ma'mun ke jawatan Gabenor di Mesir seperti berikut :-

"Pertukaran dari rahmat ILAHI kepada kemurkaan-Nya, cepat berlaku, apabila orang diberikan kuasa, tidak mengiktiraf rahmat yang Tuhan berikan, dan apabila mereka yang berkedudukan di dalam Kerajaan pula, tidak bersyukur dengan pemberian Tuhan, lalu menganggap diri mereka itu sebagai manusia terhebat, sedangkan ia adalah hasil dari rahmat dan anugerah Tuhan kepada mereka."

Baginda mendoakan agar umat Islam sentiasa dikurniakan panduan dan petunjuk serta dihindarkan dari melakukan perkara yang tidak mendapat keredaan-Nya.

Penyerahan Bantuan HARI RAYA 'AIDILFITRI 1434H DAERAH MANJUNG



MANJUNG - Penyerahan Bantuan Hari Raya 'Aidilfitri 1434H Daerah Manjung telah dilaksanakan pada 25 Julai 2013 sempena Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negeri Perak di Masjid Solehuddin Desa Bayu, Manjung. Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Perak Darul Riduan, Raja Dr. Nazrin Shah telah berkenan mencamar duli menyempurnakan penyerahan cek Bantuan Hari Raya 'Aidilfitri 1434H dari Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) untuk asnaf-asnaf Fakir dan Miskin Daerah Manjung melalui penghulu-penghulu Daerah Manjung. Pada tahun ini, bantuan Hari Raya 'Aidilfitri yang disediakan oleh MAIPk untuk Daerah Manjung RM438,300.00.

**Majlis Penyerahan
Cek Zakat Perniagaan dan
Tanaman Pada 23 Mei 2013 RM6.86 juta**



**Majlis Penyerahan
Cek Zakat Perniagaan
Pada 27 Julai 2013 RM12.95 juta**



Perhimpunan Bulanan Bil. 03/2013



IPOH – Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak (MAIPk) menganjurkan Perhimpunan Bulanan Bilangan 03/2013 pada 12 Julai 2013 yang dihadiri oleh sebahagian besar pekhidmat MAIPk seluruh Negeri Perak. Program ini diadakan di Auditorium, Kompleks Islam Darul Ridzuan bermula jam 3.00 petang. Antara pengisian yang dijalankan ialah nyanyian lagu Negaraku, bacaan ikrar yang diketuai oleh pekhidmat baru dilantik, penerangan mengenai berita semasa MAIPk disusuli dengan amanat daripada Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, Dato’ Dr. Syed Omar Sharifuddin bin Syed Ikhsan.

Majlis yang diadakan ini turut meraikan Dato’ Dr. Syed Omar Sharifuddin bin Syed Ikhsan yang dinaikkan pangkat dan ditempatkan di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN). Dalam amanat terakhir yang beliau sampaikan, beliau meluahkan perasaan gembira kerana dapat berkhidmat di MAIPk. Pelbagai pengalaman, ilmu, idea serta anugerah banyak diperolehi sepanjang beliau menerajui MAIPk. Beliau terharu dengan kerjasama yang diberikan oleh para pekhidmat MAIPk membolehkan sasaran beliau MAIPk bersama-sama membangunkan sosio-ekonomi ummah tercapai. Beliau berharap MAIPk sentiasa kukuh dan berkembang sejajar fungsi utama MAIPk untuk membangunkan sosio-ekonomi ummah di Negeri Perak. Beliau berdoa supaya MAIPk sentiasa dikurniakan keberkatan dan panduan dari Ilahi.

Majlis tersebut diteruskan dengan Tazkirah Ramadhan yang disampaikan oleh Imam Muda Jabbar. Pada sebelah malamnya, para pekhidmat MAIPk bersama-sama dengan Pengurusan MAIPk berbuka puasa di Auditorium, Kompleks Islam Darul Ridzuan. Di penghujung majlis, sesi bergambar dan bermaaf-maafan antara Dato’ Dr. Syed Omar Sharifuddin bin Syed Ikhsan dengan para pekhidmat MAIPk.

HARI TERAKHIR DATO’ DR. SYED OMAR SHARIFUDDIN DI PEJABAT MAIPk

IPOH – 13 Julai 2013 merupakan hari terakhir YBhg. Dato’ Dr. Syed Omar Sharifuddin bin Syed Ikhsan bertugas sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak (MAIPk). Beliau telah dinaikkan pangkat dan ditempatkan di Institut Tadbir Negara (INTAN) sebagai Timbalan Ketua Pengarah berkuat kuasa 16 Julai 2013. Dato’ Dr. Syed Omar Sharifuddin bin Syed Ikhsan telah menerajui MAIPk selama tiga tahun empat bulan.

Ketika beliau menerajui MAIPk, banyak perubahan yang telah dilakukan bersama-sama dengan para pekhidmat MAIPk. Antaranya ialah penyediaan dan pelaksanaan Pelan Strategik MAIPk 2012 – 2016, Sijil Bersih Penyata Kewangan MAIPk Tahun 2011 dan 2012 dari Jabatan Audit Negara Malaysia, status empat bintang Indeks Akauntabiliti MAIPk Tahun 2012 berbanding tiga bintang pada tahun 2011, penyertaan MAIPk dalam pertandingan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) anjuran Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak serta pungutan zakat melebihi RM100 juta kali pertama dalam sejarah MAIPk pada tahun 2012.

Semoga perkhidmatan dan jasa bakti beliau semasa menerajui MAIPk diterima sebagai amal yang baik di sisi Allah SWT serta dilimpahi rahmat kejayaan yang berterusan.



MISI MAIPk

Bersama Masyarakat

Perjalanan tiga (3) jam dari Ipoh ke Pengkalan Hulu membangkitkan pelbagai perasaan. Teruja, penat, gembira dan berdebar-debar silih berganti. Para pekhidmat MAIPk seramai 77 orang termasuk Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk (KPE), Dato' Dr. Syed Omar Sharifuddin bin Syed Ikhsan terlibat bagi program Kembara MAIPk 2013.

Kembara MAIPk 2013 diadakan bermula pada 18 Jun 2013 sehingga 22 Jun 2013 bermula di Pengkalan Hulu menuju Gerik, Lenggong, Kuala Kangsar dan berakhir di Ipoh. Rombongan ini melibatkan 35 biji kereta dibantu dengan Polis Trafik bagi daerah yang berkaitan. Rombongan Kembara MAIPk 2013 masing-masing tidak sabar untuk menjayakan program tahunan ini demi bersama-sama dengan masyarakat menjayakan maqasid zakat dan wakaf.

Hari Pertama



Jam 9 pagi, rombongan Kembara MAIPk 2013 tiba di Madrasah Addiniah Al-Latifiah, Pengkalan Hulu bagi Majlis Perasmian dan Pelepasan Rombongan MAIPk 2013. Majlis ini disempurnakan oleh Orang Besar Jajahan Hulu Perak, YDH. Lt. Kol. (B) Dato' Shaharudin bin Haji Nazari. Pada majlis ini juga disampaikan Bantuan Perkapita SRAR Pengkalan Hulu dan Gerik, Sijil Wakaf Daerah Pengkalan Hulu dan sumbangan kepada madrasah dan para pelajar madrasah.

Rombongan Kembara MAIPk 2013 terus bergerak menuju ke Maahad Tahfiz Pengkalan Hulu bagi menyampaikan Bantuan Pembangunan Islam Maahad Tahfiz dan sumbangan kepada para muallaf yang tinggal berdekatan dengan Maahad Tahfiz Pengkalan Hulu. Rombongan Kembara MAIPk 2013 seterusnya bergerak menuju ke Masjid Kg. Lalang, Mukim Kerunai, Gerik bagi Program Gotong Royong Perdana mengecat masjid dan membersihkan tanah perkuburan.



Pada jam 7 malam, rombongan Kembara MAIPk 2013 tiba di Rumah Rehat Gerik untuk persiapan diri sebelum ke Masjid Daerah Gerik bagi menjayakan Program Forum Perdana yang menampilkan panel jemputan terdiri daripada Ustaz Munawir Salehuddin dan Tuan Haji As'ad Awang serta Ustaz Burhan sebagai moderator.

Hari Kedua



Pada jam 8 pagi, peserta-peserta rombongan Kembara MAIPk 2013 bergerak ke Maahad Tahfiz dan Kemukjizatan Al-Quran Pondok Air Jerneh, Gerik. Di maahad tahfiz tersebut, diadakan sumbangan wakaf kerusi batu dan water cooler kepada pihak pengurusan maahad. Selepas itu, rombongan Kembara MAIPk 2013 bergerak ke Maybank Daerah Gerik bagi menjayakan Program Taklimat Zakat dan Wakaf serta Penyampaian Bantuan Persekolahan Daerah Hulu Perak.



Rombongan Kembara MAIPk 2013 meneruskan perjalanan ke Kg. Batu Ring, Lenggong. Perjalanan ke Kg. Batu Ring perlu menaiki bot dari jeti Kg. Beng. Para peserta rombongan Kembara MAIPk 2013 diserahkan mengikut keluarga angkat masing-masing. Pada malam tersebut, diadakan jamuan bersama anggota masyarakat serta diadakan persempahan kesenian Islam oleh sebahagian anggota masyarakat dan para peserta rombongan Kembara MAIPk 2013.

Hari Ketiga



Rombongan Kembara MAIPk 2013 meneruskan perjalanan ke destinasi berikutnya iaitu Kolej Universiti Islam Sultan Azlan Shah (KUISAS). Di KUISAS, diadakan majlis Perasmian Penutup Seminar Pengurusan Zakat dan Wakaf, Penyampaian Sijil Wakaf Daerah Kuala Kangsar dan Bantuan Perkapita SAR Kuala Kangsar. Program ini disempurnakan oleh Orang Besar Jajahan Kuala Kangsar, YABhg. Dato' Seri Wan Mohd. Fadzir bin Wan Hussain. Rombongan Kembara MAIPk 2013 bergerak ke Pejabat MAIPk Daerah Kuala Kangsar bagi Program Penyerahan Bantuan Modal dan Bantuan Persekolahan Daerah Kuala Kangsar dan Taiping. Kedua-dua program ini turut disempurnakan oleh Orang Besar Jajahan Kuala Kangsar.

Destinasi terakhir rombongan Kembara MAIPk 2013 pada hari ketiga ialah Kampung Orang Asli Langkor, Jalong Tinggi, Sungai Siput (U), Perak. Di sini, rombongan Kembara MAIPk 2013 menyempurnakan Majlis Pengislaman dan Pernikahan enam pasangan saudara baru serta Penyerahan Bantuan Pembangunan Islam kepada Ketua Kampung.

Hari Keempat

Sebelum rombongan Kembara MAIPk 2013 bergerak ke destinasi seterusnya, para peserta rombongan melakukan aktiviti ziarah beserta menyerahkan sumbangan hamper kepada setiap keluarga di kampung tersebut. Rombongan Kembara MAIPk 2013 bergerak ke Kampung Landap, Jalong Tinggi, Sungai Siput (U) bagi menyempurnakan Majlis Pecah Tanah Projek Bina Rumah Asnaf Fakir Miskin Kg. Landap dan Kg. Larek. Dari kampung tersebut, rombongan Kembara MAIPk 2013 bergerak ke Masjid Al-Khairiah Kg. Kepayang, Fair Park, Ipoh bagi bersama-sama dengan masyarakat mendengar Tazkirah Wakaf dan solat Jumaat. Selesai solat Jumaat, rombongan Kembara MAIPk 2013 bergerak ke UniKL RCMP, Ipoh untuk Taklimat Zakat bersama warga UniKL RCMP, Ipoh sebelum ke Hotel Seri Malaysia untuk penginapan malam.

Pada malam tersebut, para peserta rombongan Kembara MAIPk 2013 dibahagikan kepada 10 masjid dan surau yang diadakan Tazkirah Zakat dan Wakaf kepada masyarakat setempat. KPE MAIPk turut tidak ketinggalan memberikan Tazkirah dan Wakaf di Masjid Sultan Azlan Shah, Jalan Diary, Ipoh.

Hari Kelima



Selesai rombongan Kembara MAIPk 2013 bersarapan di tempat penginapan, rombongan bergerak ke Mydin Mall, Meru dengan diiringi kumpulan motorsikal berkuasa tinggi bagi menyempurnakan majlis penutup Kembara MAIPk 2013. Majlis penutup ini mengandungi Pelancaran Promosi Kempen 2T iaitu Taksir dan Tukar, Penyampaian Bantuan-Bantuan Dermasiswa kepada para pelajar dan Perasmian Penutup Kembara MAIPk 2013. Program Kembara MAIPk 2013 dipenuhi dengan aktiviti yang penuh bermakna. Semoga program sebegini dapat diteruskan pada masa akan datang.





1



2



3



4

5



6



7



8



9



10



12



11



13



14

Keterangan Gambar

1. Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang MAIPk Tahun Penilaian 2012 pada 09 Mei 2013.
2. Pihak PPK Kuala Kangsar menyerahkan zakat perniagaan berjumlah RM46,710.30 kepada PBD Kuala Kangsar.
3. Pengurus BSN Negeri Perak menyerahkan zakat perniagaan berjumlah RM49,630.00 kepada KPE MAIPk.
4. PBD Teluk Intan membacakan doa setelah selesai penyerahan zakat perniagaan PPK Hutan Melintang berjumlah RM101,055.50 pada 05 Julai 2013.
5. Para Amil Zakat Fitrah 1434H Daerah Tapah mendengar taklimat yang disampaikan oleh Pegawai Baitulmal Daerah Tapah pada 11 Julai 2013.
6. Pihak PPK Bagan Datoh menyerahkan zakat perniagaan berjumlah RM113,156.88 kepada PBD Teluk Intan pada 17 Julai 2013.
7. Eksekutif Zakat MAIPk menerima cek zakat perniagaan daripada KPE Etiqa Wilayah Utara berjumlah RM445,175.25 pada 22 Julai 2013.
8. Para penerima Bantuan Hari Raya 'Aidilfitri 1434H MAIPk Daerah Ipoh mendengar pengisian rohani sempena Peristiwa Badar Al-Kubra pada 25 Julai 2013.
9. KPSU MAIPk menerima zakat perniagaan Bank Rakyat Cawangan Negeri Perak berjumlah RM234,979.04 pada 31 Julai 2013.
10. Pihak MBSB Wilayah Utara menyerahkan cek perniagaan berjumlah RM14,841.00 kepada KPSU MAIPk.
11. PSU Zakat menyerahkan motorsikal roda tiga kepada penerima bantuan di Daerah Perak Tengah pada 01 Ogos 2013.
12. Penasihat Agama MAIPk menyantuni saudara-saudara baru Daerah Ipoh sempena Majlis Sambutan Hari Raya 'Aidilfitri 1434H MAIPk pada 20 Ogos 2013.
13. Pihak PPK Manong membaca lafaz serah zakat perniagaan berjumlah RM52,959.25 kepada pihak MAIPk melalui PBD Kuala Kangsar pada 21 Ogos 2013.
14. Perkongsian maklumat antara pihak MAIPk dan MAIK di Kompleks Islam Darul Ridzuan pada 22 Ogos 2013.

TAKSIRAN ZAKAT PERNIAGAAN

(Sambungan Keluaran Yang Lepas)

CARA MENGHITUNG ZAKAT PERNIAGAAN

Terdapat dua kedah pengiraan zakat perniagaan iaitu:

1. Kaedah Model Berkembang (Growth Model)

Ia mengambil kira ekuiti pemilik entiti perniagaan tersebut, sumber-sumber pembiayaan kewangan dan dibuat pelarasan sama ada dicampur atau sebaliknya. Di dalam istilah yang lebih ringkas ialah modal dicampur dengan keuntungan.

Harta yang dikenakan zakat = Ekuiti Pemilik + Liabiliti Jangka Panjang - Aset Tetap - Aset Bukan Semasa +/- Pelarasan

2. Kaedah Model Modal Kerja (Working Capital)

Ia mengambil kira kedudukan harta semasa perniagaan ditolak dengan tanggungan semasa perniagaan dan dibuat pelarasan dengan beberapa perkara yang berkaitan dengan zakat yang perlu diambil kira. Pelarasan ini dibuat sama ada dengan mencampurkan item-item yang telah dikenal pasti perlu ditambah atau membuat tolakan.

Harta yang dikenakan zakat = Aset Semasa - Liabiliti Semasa +/- Pelarasan

- Nota: Pelarasan ialah seperti barang-barang yang tidak diwajibkan zakat, barang bukan milik sempurna, wang yang dipinjamkan dan sebagainya.

Pelarasan yang terlibat berasaskan kepada:

1) Item yang ditolak dari aset semasa

- i. Harta perniagaan yang tidak wajib zakat seperti hasil riba atau pun barang seperti judi atau arak;
- ii. Penghutang milik sempurna seperti pelbagai deposit air, elektrik dan seumpamanya;
- iii. Tiada zakat dua kali. Zakat ke atas peminjam kerana milik sempurna telah berpindah tangan;
- iv. Aset semasa tidak produktif seperti hutang lapuk dan stok lupus;

- v. Dana dan tabung kebajikan yang bersifat pemberian hangus seperti khairat dan pendidikan; dan
- vi. Stok dalam proses atau belum siap tidak diambil kira untuk berzakat.

2) Item yang dicampur kepada aset semasa

Semua sumbangan derma yang diambil bukan dari tabung/dana kebajikan yang khusus perlu dicampur semula.

3) Item yang dicampur kepada liabiliti semasa

- i. Pinjaman jangka panjang kerana ia adalah modal pusingan dalam menjalankan perniagaan;
- ii. Dividend dan honorarium dicadangkan. Perlu bersih dengan zakat dahulu sebelum diagihkan;
- iii. Overdraft bank; dan
- iv. Pajakan kewangan/modal.

Bagi memenuhi nisab, liabiliti semasa yang boleh ditolak adalah yang bersifat operasi sahaja seperti:

- i. Pembiayaan perdagangan;
- ii. Kos operasi seperti gaji, bil-bil semasa; dan
- iii. Cukai

Berikut merupakan kaedah kiraan potongan cukai pendapatan ke atas zakat perniagaan.

Pertama had maksimum 2.5% dari jumlah pendapatan syarikat untuk suatu tahun tafsiran. Potongan diberi mengikut tahun tafsiran yang sama dengan tarikh bayaran sebagaimana yang dicatatkan di atas resit rasmi.

Kedua ialah tahun tafsiran cukai vs. tahun bayaran zakat di mana potongan cukai diberi mengikut tarikh bayaran bagi zakat perniagaan seperti yang dinyatakan pada resit bayaran. Syarikat hendaklah menentukan bagi tempoh tahun atas tafsiran cukai di mana tarikh bayaran itu berlaku.



Program Ramah Mesra Asnaf Ibnu Sabil MAIPk 2013



IPOH – Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak (MAIPk) melalui Bahagian Zakat telah menganjurkan Program Ramah Mesra Asnaf Ibnu Sabil MAIPk 2013 bertempat di Bilik Mesyuarat Tingkat 2, Kompleks Islam Darul Ridzuan Ipoh pada 26 Ogos 2013. Penasihat Agama MAIPk, Dato’ Haji Mohamah Nor bin Mansor telah merasmikan program ini. Antara tetamu yang hadir termasuklah Penolong Setiausaha Bahagian Hartanah dan Pelaburan, Puan Hajah Wan Maizura binti Haji Wan Zahari serta Penolong Setiausaha Bahagian Zakat, Ustaz Bakri bin Lee.

Objektif program ini adalah untuk merapatkan silaturrahim antara pihak MAIPk dengan para pelajar yang bakal melanjutkan pengajian di luar negara khususnya di negara Jordan. Bagi tahun ini, seramai 23 orang pelajar anak Perak menerima bantuan tiket

penerbangan daripada pihak MAIPk untuk melanjutkan pengajian di Jordan. Mereka bakal berlepas menaiki kapal terbang pada 11 September 2013.

Diharapkan program seumpama ini dapat memberi pendedahan awal kepada para pelajar ini seterusnya dapat membantu mereka untuk membuat persediaan awal bagi melanjutkan pengajian di universiti masing-masing. Pihak MAIPk mengucapkan selamat maju jaya kepada semua pelajar yang terpilih dan semoga dengan bantuan ini mereka dapat menyempurnakan tanggungjawab untuk menuntut ilmu dengan sebaiknya demi kebaikan di dunia dan akhirat.

Program Sinar Usahawan MAIPk

IPOH - Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak (MAIPk) melalui Bahagian Zakat telah menganjurkan Program Sinar Usahawan pada 26 Mei 2013. Program ini diadakan bertujuan untuk mengenal pasti masalah yang dialami serta keperluan para penerima Bantuan Modal Perniagaan Fakir Miskin MAIPk sedia ada.

Program ini juga diadakan khas bagi memberi pendedahan dalam bidang asas perniagaan seperti aspek pemasaran dan juga aliran wang tunai. Seramai 50 orang peserta yang terdiri daripada para penerima Bantuan Modal Perniagaan Fakir Miskin MAIPk bagi tahun 2010, 2011 dan 2012. Taklimat asas perniagaan telah disampaikan oleh Pengarah, Institut Keusahawanan Negara, Encik Nik Abu Bakar bin Haji Nik Mohamed.

Pada masa yang sama, pekhidmat MAIPk turut mengedarkan borang soal selidik kepada para peserta program bagi mendapatkan maklumbalas mengenai bantuan yang telah disediakan oleh pihak MAIPk kepada mereka sebelum ini.

Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, Yang Berbahagia Dato’ Dr. Syed Omar Sharifuddin bin Syed Ikhsan telah menyempurnakan perasmian penutup program ini pada sesi petang. Diharapkan dengan adanya program seumpama ini, ia secara tidak langsung dapat memberi pendedahan yang lebih luas kepada para asnaf bagi menjalankan perniagaan demi meningkatkan taraf sosio-ekonomi masing-masing.



Semasa

Jaulah Asnaf MAIPk Zon Selatan



KG. GAJAH – Satu Program Jaulah Asnaf MAIPk Zon Selatan iaitu Kg. Gajah, Teluk Intan, Tapah dan Slim River telah diadakan pada 06 Jun 2013. Program ini turut disertai Unit Zakat ANGKASA dari awal program sehingga ke penghujungnya. Perasmian program ini diadakan di Masjid Nurul Saadah, Kg. Sg. Ranggam, Kota Setia, Kg. Gajah oleh Penasihat Agama MAIPk, Dato' Haji Mohamah Nor bin Mansor. Turut diadakan penyerahan bantuan bulanan, bina rumah dan sumbangan pembangunan Islam berjumlah RM206,492.70. Lokasi seterusnya di Dewan MPTI, Teluk Intan, diadakan Majlis Penyerahan Bantuan Bina dan Baik Pulih Rumah, Modal, Persekolahan, Perkapita SAR dan Tadika Islam Daerah Hilir

Perak berjumlah RM339,665.10.

Pada sebelah petangnya, rombongan Jaulah Asnaf MAIPk Zon Selatan bergerak ke Sekolah Agama Rakyat Kem PGA, Bidor bagi menyerahkan Bantuan Perkapita SAR, Bantuan Bina dan Baik Pulih Rumah serta Pembangunan Islam berjumlah RM146,232.00. Program penutup Jaulah Asnaf MAIPk Zon Selatan diadakan di Kg. Lintah, Slim River. Keseluruhan agihan zakat sempena Jaulah Asnaf MAIPk Zon Selatan ialah RM692,389.80. Semoga aspirasi pembayaran zakat yang mahukan golongan asnaf zakat dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Wakaf

Satu Pelaburan Akhirat



TELUK INTAN – Pejabat MAIPk Teluk Intan menganjurkan satu majlis ilmu bertajuk "Wakaf Suatu Pelaburan Akhirat" serta penyerahan Sijil Penghargaan Wakaf Tahun 2013 pada 04 Jun 2013 di Dewan MDHP. Majlis ini disertai oleh Ahli-Ahli Jawatankuasa Kariah seluruh masjid Daerah Hilir Perak. Majlis ilmu tersebut telah disampaikan oleh Sahibul Fadhilah Tuan Haji As'ad bin Awang, Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak.

Dalam majlis ilmu tersebut, penceramah menjelaskan konsep berwakaf apabila segala manfaat harta yang diwakafkan itu adalah milik umat Islam. Beliau juga menekan perihal pentingnya amalan berwakaf oleh umat Islam. Amalan ini

bukan sekadar memberi kebajikan kepada pewakaf di dunia, bahkan berterusan walaupun pewakaf telah meninggal dunia. Sangat penting harta-harta yang diwakafkan itu dibangunkan menurut kehendak Syarak demi maslahah umat Islam.

Majlis perasmian penutup serta penyerahan sijil penghargaan wakaf kepada 25 individu yang mewakafkan tanah-tanah mereka sebagai wakaf saraan disempurnakan oleh YBrs. Ustaz Mohd Haidi bin Sulaiman, Ketua Penolong Setiausaha MAIPk. Turut hadir pada majlis ini ialah Pegawai Baitulmal Daerah Teluk Intan, Ustaz Ahmad Nazim bin Md. Tajuri serta Pegawai-Pegawai Baitulmal Daerah. Semoga amal mereka diganjari oleh Allah SWT serta dapat menjadi ikutan oleh masyarakat Islam yang lain.

RM 186,890.00 Diagihkan Untuk Para Pelajar di Daerah Seri Iskandar

Majlis ini diadakan bertujuan menyampaikan bantuan persekolahan bagi sekolah-sekolah rendah dan menengah, sekolah agama rakyat (SAR) dan tadika Islam yang berada dalam Daerah Seri Iskandar

SERI ISKANDAR – Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak (MAIPk) Daerah Seri Iskandar telah menganjurkan Majlis Penyampaian Bantuan Persekolahan, Perkapita Sekolah Agama Rakyat (SAR) dan Tadika Islam Daerah Seri Iskandar diadakan pada 05 Julai 2013. Majlis ini diadakan di Pejabat Pelajaran Daerah Perak Tengah. Majlis ini diadakan bertujuan menyampaikan bantuan persekolahan bagi sekolah-sekolah rendah dan menengah, sekolah agama rakyat (SAR) dan tadika Islam yang berada dalam Daerah Seri Iskandar. Majlis ini disempurnakan oleh Dato’ Dr. Syed Omar Sharifuddin Bin Syed Ikhsan, Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk.



Jumlah bantuan yang disampaikan kepada penerima RM186,890.00. Bantuan ini merangkumi RM116,150.00 bantuan persekolahan untuk 636 pelajar sekolah rendah dan menengah, RM50,040.00 untuk 4,170 pelajar SAR dan RM20,700.00 untuk 69 pelajar tadika Islam. Semoga bantuan-bantuan yang diberikan dapat membantu para pelajar untuk terus meningkatkan ilmu pengetahuan tanpa dibelenggu masalah kewangan.

Pemilik Rumah Terbakar Menerima Rumah Baru

TAIPING – Keceriaan jelas terpancar di wajah Encik Sulaiman bin Yahaya, penerima bantuan bina rumah di bawah Program My Beautiful Neighbourhood kerjasama antara Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak (MAIPk), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Perak.

Rumah asal milik penerima bantuan telah hangus terbakar dalam tragedi kebakaran pada 19 Mei 2012. Proses pembinaan rumah baharu telah bermula pada 18 Mac 2013 dan telah siap sepenuhnya dalam tempoh masa hanya 25 hari sahaja dengan tenaga sukarela 30 orang anggota bomba dan penyelamat. Proses pembinaan rumah baharu merupakan salah satu agenda utama dalam Program My Beautiful Neighbourhood.

Satu majlis penyerahan kunci rumah baharu telah diadakan pada 15 Mei 2013. Antara tetamu kehormat yang hadir dalam majlis ini termasuklah Datuk Arpah binti Abdul Razak, Ketua Setiausaha, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Abdul Puhat bin Mat Nayan, Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Dato’ Dr. Syed Omar Sharifuddin bin Syed Ikhsan, Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk dan Dato’ Wan Mohd Nor bin Hj Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Pada majlis itu diadakan penyampaian sijil penghargaan kepada para anggota bomba dan penyelamat yang terlibat dalam pembinaan rumah ini. Acara kemuncak iaitu perasmian masuk rumah baharu telah dijayakan oleh Datuk Arpah binti Abdul Razak. Pada akhir majlis, upacara simbolik penanaman pokok telah dijayakan oleh Datuk Arpah binti Abdul Razak, Dato’ Abdul Puhat bin Mat Nayan dan Dato’ Dr. Syed Omar Sharifuddin bin Syed Ikhsan.





Kami namakan dan kami panggil dia, bumi yang kamu pijak dan langit yang kamu junjung **PERSEKUTUAN TANAH MELAYU** (sekarang dikenali dengan nama Malaysia);

Kami isytiharkan dan kami simpan untuk kamu dan kami benarkan kamu isytihar dan simpan untuk anak cucu kamu, selain gunung-ganang, tasik dan hutan simpan, **TANAH SIMPANAN MELAYU** sehingga nisbah 50 peratus, selebihnya kamu rebutlah bersama-sama kaum lain;

Bagi menjaga kamu dan bagi melindungi anak cucu kamu serta harta hak milik kamu, kami tubuhkan REJIMEN ASKAR MELAYU selain untuk membanteras kekacauan dalam negara dan ancaman dari luar negara;

Kamikekalkan dan kami jamin Kerajaan dan Kedaulatan **RAJA-RAJA MELAYU** memerintah negara ini;

Kami isytiharkan **ISLAM** adalah Agama Persekutuan;

Kami tetapkan bahasa kebangsaan ialah **BAHASA MELAYU**; dan

Kami amanahkan dan kami pertanggungjawabkan kepada Raja-Raja Melayu untuk melindungi **KEDUDUKAN ISTIMEWA ORANG MELAYU** dan **KEPENTINGAN SAH KAUM-KAUM LAIN** (Kemudian ditambah kedudukan istimewa anak negeri Sabah dan Sarawak).

**DULI YANG MAHA MULIA
PEMANGKU RAJA PERAK DARUL RIDZUAN
RAJA DR. NAZRIN SHAH
IBNI SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH**

D.K., D.K.S.A., D.K.A., D.K.II (Selangor), S.P.C.M., S.P.T.S., S.P.M.P., (Perlis), Ph.D (Harvard).



©John Cairns

Sembah Tahniah

ATAS PELANTIKAN BAGINDA SEBAGAI

AHLI CHANCELLOR'S COURT OF BENEFACTORS,
FELOW KEHORMAT WORCESTER COLLEGE,
DAN

AHLI PEMEGANG AMANAH PUSAT KAJIAN ISLAM OXFORD
UNIVERSITY OF OXFORD

DARIPADA



AHLI-AHLI, PENGURUSAN SERTA WARGA KERJA
MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK

PRESTASI AGIHAN ZAKAT SEHINGGA 31 OGOS 2013

A. Asnaf Fakir Dan Miskin

SKIM AGIHAN	PERUNTUKAN	AGIHAN SEMASA	BAKI	%
Bantuan Hari Raya 'Aidilfitri 1434H	3,900,000.00	3,731,905.00	168,095.00	95.69
Bantuan Kewangan Bulanan	16,800,000.00	12,090,038.53	4,709,961.47	71.96
Bantuan Persekolahan	4,000,000.00	2,790,872.10	1,209,127.90	69.77
Bantuan Bina Rumah	11,200,000.00	3,394,870.00	7,805,130.00	30.31
Bantuan Baik Pulih Rumah	2,940,000.00	2,648,534.60	291,465.40	90.09
Bantuan Perubatan (Hemodialysis)	13,176,000.00	7,924,000.19	5,251,999.81	60.14
Biasiswa Pelajaran	164,000.00	141,980.00	22,020.00	86.57
Latihan/ Kursus Pembangunan Usahawan Asnaf	200,000.00	27,280.00	172,720.00	13.64
Bantuan Modal	850,000.00	897,745.25	(47,745.25)	105.62
Latihan Kemahiran Asnaf	1,050,000.00	501,851.12	548,148.88	47.80
Jumlah	54,280,000.00	34,149,076.79	19,930,923.21	62.91

B. Asnaf Fisabilillah

SKIM AGIHAN	PERUNTUKAN	AGIHAN SEMASA	BAKI	%
Pengajian Dalam Negara	2,490,000.00	1,548,299.00	941,701.00	62.18
Pengajian Luar Negara	6,865,000.00	6,075,200.00	789,800.00	88.50
Bantuan Perkapita SAR	3,019,800.00	2,759,096.00	261,704.00	91.33
Bantuan Kepada Masjid	500,000.00	115,000.00	385,000.00	23.00
Bantuan Kepada Surau	220,000.00	213,200.00	6,800.00	96.91
Bantuan Kepada SAR	400,000.00	348,372.00	51,628.00	87.09
Bantuan Kebajikan Anak Yatim	180,000.00	151,450.00	28,550.00	84.14
Jumlah	13,674,800.00	11,210,617.00	2,465,183.00	81.98

PENCAPAIAN INDEKS AKAUNTABILITI 2009 – 2012 MAIPk DI NEGERI PERAK

